

## Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM

*Teaching of Islamic Faith (Akidah) among New Converted Muslim in Islamic Propagation Institute (PERKIM)*

**Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali**

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*e-mel: yunus@fsk.upsi.edu.my*

### Abstrak

Pendidikan akidah adalah aspek terpenting dalam pembentukan jati diri mualaf atau saudara baru sebagai Muslim yang kuat. Kelemahan akidah menyebabkan kehidupan mualaf terumbang ambing, keliru dalam sukar mengamalkan ajaran Islam dan cenderung untuk kembali menganut agama asal. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka pelaksanaan pengajaran akidah dengan menganalisis PPK yang dimiliki oleh pensyarah di IDIP, PERKIM dilaksanakan semasa proses pengajaran akidah kepada golongan mualaf. Kajian kuantitatif dan kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes dan memperoleh data kajian melalui instrumen soal selidik, protokol temu bual dan analisa dokumen. Proses pemikiran dan tingkah laku pensyarah di dalam bilik darjah dikaji berdasarkan lingkaran model pelaksanaan pedagogi dan tindakan pengajaran (Shulman, 1987). Proses ini merangkumi beberapa fasa pengajaran tahap kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi dalam pengajaran. Pembentukan kefahaman baru berkaitan pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi subjek atau pengetahuan berkaitan murid telah menyumbang kepada pembentukan PPK secara sistematis di dalam pengajaran akidah terhadap golongan mualaf. Kajian mendapatkan kemahiran PPK yang ditunjukkan oleh semua pensyarah mencerminkan pengalaman ‘wisdom of practice’ dan ‘wise practice’ dalam pengajaran subjek akidah. Dapatkan kajian ini dapat dijadikan panduan khusus dalam pengajaran akidah kepada masyarakat Mualaf untuk membina jati diri dengan pegangan akidah yang kukuh.

**Kata kunci:** Mualaf, Pengajaran dan pembelajaran Akidah, Kaedah pengajaran.

### Abstract

*Faith education is the most important aspect of identity construction or conversion of Muslim converts as strong. The weakness of faith lead to life converts tatters confused in difficult practice of Islam and tend to go back to previous religion. Hence, this study aimed to explore the implementation of teaching the faith and pedagogical content knowledge implemented during the process of teaching the faith to new Muslim converts in PERKIM. This study used quantitative and qualitative research design and case study data obtained via questionnaires, interviews and analysis protocol document. The process of thinking and behaviour of the lecturer in the classroom studied by circular models of pedagogy and teaching practice (Shulman, 1987). This process includes several phases, the level of understanding teaching, transformation, action learning, evaluation, and reflection in teaching. The formation of new understandings related content knowledge, pedagogical knowledge or knowledge of the subject students have contributed to the formation systematically in teaching the faith to Muslim converts. The study found PCK skill shown by all lecturers reflect the experience of 'wisdom of practice' and 'wise practice' belief in teaching the subject. The findings of this study can serve as a guide specialized in teaching the faith to the people Converts Muslim.*

**Keywords:** Converts Muslim, Teaching and learning of akidah, Teaching method.

## Pengenalan

Mualaf merupakan sebahagian daripada masyarakat Majmuk di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum yang telah memeluk agama Islam. Mereka adalah di antara golongan yang diberi perhatian yang khusus di dalam Islam sehingga dijanjikan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran berhak mendapat zakat agar hati mereka terus teguh dan lembut untuk mengamalkan ajaran Islam. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Taubah ayat 60 menjelaskan bahawa Allah S.W.T telah mengiktiraf Mualaf sebagai salah satu kumpulan asnaf untuk menerima zakat. Islam juga telah menjelaskan bahawa Mualaf adalah saudara baru Muslim yang harus dipelihara dan dibentuk dirinya agar menjadi seorang Muslim yang kuat hatinya dari sudut pegangan akidah, akhlak dan sosial dalam masyarakat. Sehubungan itu, pendidikan akidah merupakan tuntutan utama dalam pembinaan diri Mualaf agar kehidupan mereka jelas dan tidak terumbang ambing apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran selepas memeluk Islam.

Terdapat pelbagai pertubuhan Islam yang terdiri daripada Kerajaan dan bukan Kerajaan berperanan untuk membimbing aspek kehidupan beragama, memelihara kebaikan dan keperluan *Mualaf*. Pertubuhan yang wujud ini telah mengambil tanggungjawab fardu kifayah tersebut agar masyarakat *Mualaf* di negara ini mendapat bimbingan, perlindungan dan kebaikan yang sewajarnya. Menurut Faudzi Naim (2005) kebanyakan *Mualaf* di Malaysia bernaung di bawah pelbagai pertubuhan bukan Kerajaan seperti PERKIM, PERMIM dan sebagainya. Namun begitu, terdapat juga sebilangan *Mualaf* yang kekal bernaung di bawah badan pertubuhan Kerajaan seperti JAKIM, MAIS serta beberapa Jabatan Agama Islam Negeri yang lain. Namun, kajian ini tidak menilai keberkesan operasi pertubuhan yang mengendalikan kebaikan golongan muallaf tersebut. Kajian ini juga tidak menguji tahap penguasaan pengetahuan isi kandungan akidah dalam kalangan pensyarah yang mengajar golongan *Mualaf*. Pendekatan tersebut adalah dengan anggapan bahawa penguasaan pengetahuan isi kandungan akidah mereka adalah mantap berdasarkan kepada latar belakang pengkhususan mereka dalam bidang pengajian Islam, jangka masa yang lama guru tersebut terdedah dengan bahan pengajaran dan sukan pelajaran yang diguna pakai dan pengalaman dalam mengajar subjek tersebut. Ini disokong dengan kajian yang menunjukkan bahawa pensyarah berpengalaman mempunyai tahap rutin yang mantap, prosedur serta peraturan dan strategi untuk menggalakkan pembelajaran dan menyelesaikan masalah dengan kecekapan yang maksimum dan ralat yang kecil (Leinhardt dan Greeno 1986; Livingston dan Broko 1989).

## Mualaf dan Akidah

Perkataan *Mualaf* bermaksud orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru (Kamus Dewan 2010:1046). Dalam *Lisan al-Arab* karangan Ibn Manzur (t.th: 353), perkataan *Mualaf* diambil daripada akar kata *al-lafa* yang memberi maksud menghimpunkan sesuatu dengan sesuatu atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu. Melihat dari sudut istilah pula, perkataan *Mualaf* adalah merujuk kepada perkataan (المؤلفة قلوبهم) termaktub di dalam ayat 60 surah al-Taubah yang dikenali sebagai ayat *al-Sadaqat*. Ibn Kathir (1988) menjelaskan bahawa tafsiran *Mualaf* yang terdapat di dalam ayat ini adalah untuk menyatakan bahawa Mualaf adalah salah satu daripada lapan golongan *al-asnaf* yang berhak menerima zakat dan mereka ini adalah orang yang dipujuk dan dijinakkan hatinya agar bertambah kuat pegangan mereka terhadap Islam atau orang yang dipujuk agar tertarik untuk memeluk agama Islam.

Sayyid Qutb (2000) pula telah mentafsirkan *Mualaf* sebagai golongan manusia yang kembali kepada Islam serta kekal dan mengamalkan ajaran Islam dengan sebaiknya. Beliau juga menjelaskan bahawa pemberian zakat merupakan salah satu inisiatif yang dapat menyatukan hati, mengukuhkan serta menambahkan rasa cinta mereka terhadap agama Islam. Manakala al-Qurtubi (2004) pula telah menjelaskan maksud Mualaf dengan pengertian yang lebih mendalam. Beliau menyatakan bahawa Mualaf yang dimaksudkan di dalam surah al-Taubah tersebut adalah segelintir orang yang baru memeluk Islam secara lahiriah pada zaman awal kemunculan Islam namun keyakinan mereka terhadap agama Islam adalah masih lemah. Oleh itu zakat telah diberikan kepada golongan Mualaf ini agar keimanan mereka kepada Allah S.W.T terus utuh dan konsisten.

Akidah pula berasal daripada kata ﺃکیدah yang bererti ikatan atau simpulan dan akidah menurut istilah syarak ialah keyakinan yang bersifat khusus terhadap Allah S.W.T , para Malaikat Nya, kitab-kitabNya, para RasulNya, hari akhirat serta beriman dengan ketentuan makhluk sama ada takdir baik atau pun buruk (Sayed Sabiq 2011). Akidah jugadidefinisikan oleh para ulama' Islam dengan pelbagai takrifan. Antaranya, Sayed Sabiq (2011) telah mentakrifkan akidah sebagai membenarkan sesuatu dan meyakini secara *jazam* (putus) tanpa syak atau ragu. Akidah menurut Sayed Sabiq juga mempunyai pengertian seerti dengan iman bermaksud membenarkan. Beliau turut berpandangan bahawa menanam akidah dalam jiwa merupakan pendekatan tarbiah yang paling unggul kerana ia menghasilkan kuasa yang kuat dalam hati dan jiwa manusia. Oleh itu, mualaf boleh digolongkan sebagai golongan yang baru terdedah dengan konsep-konsep asas dalam akidah perlu diberi pendedahan dan kefahaman yang jelas menerusi pengajaran akidah yang khusus. Pendidikan akidah juga merupakan teras penting untuk menanamkan keyakinan kepada manusia terhadap keesaan Allah S.W.T dengan mengabdikan diri kepada-Nya, menjadikan insan soleh yang mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan merealisasikan segala tujuan hidup manusia di dunia ini (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2007). Oleh yang demikian, *Mualaf* mempunyai kaitan yang rapat dengan pendidikan akidah kerana tanpa pendidikan dan pemahaman yang mantap terhadap akidah menyebabkan seseorang *Mualaf* dalam keadaan terumbang ambing tanpa kefahaman yang benar dan jelas tentang Islam sebagai “*addin*”.

Pendidikan akidah yang membawa kepada penghayatan dan kefahaman yang mendalam tentang Islam merupakan asas kepada pembinaan sahsiah Islamiah dalam diri setiap Muslim. Ia merupakan inti kepada amalan Islam seseorang. Jika seseorang Muslim tersebut tidak memahami dan menghayati akhlak dengan baik, maka amalannya tidak mendapat pengiktirafan daripada Allah SWT. Oleh yang demikian, pemahaman akidah mestilah ditanam di dalam jiwa setiap Muslim yang baru memeluk Islam agar golongan ini dapat menghayati keindahan Islam dan memperoleh ketenangan hati dalam memeluk Islam.

Dalam pada itu, al-Qardhawi (1983) telah menghuraikan kesan dan pengaruh akidah terhadap peribadi manusia, antaranya ialah:

- i. Akidah yang sahih melahirkan manusia yang benar-benar merdeka. Ini kerana mereka hanya menyembah Allah SWT Tuhan yang maha Kuasa, Tuhan yang Esa dan mereka yang menjadi hamba kepadanya.
- ii. Akidah dapat membentuk manusia yang seimbang kerana keimanan yang sepenuhnya kepada Allah SWT menjadikan matlamat dan cara kehidupan adalah jelas dan ia mampu melihat persoalan dunia dan akhirat secara tepat.
- iii. Akidah juga sumber ketenangan. Hal ini kerana hati dan perasaan mereka yang berakidah dipenuhi dengan nilai-nilai positif serta mereka ini membina dan menjalani kehidupan dengan matlamat yang betul.

## Pendidikan Akidah dalam Kalangan *Mualaf* di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan bangsa. Maka masyarakat *Mualaf* di Malaysia turut diwarnai dengan populasi pelbagai etnik dan bangsa merangkumi bangsa seperti Cina, India, Orang Asli dan pelbagai kaum yang lain. Proses konversi atau proses memeluk Islam telah lama wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Sebenarnya, golongan *Mualaf* di negara ini turut dipengaruhi oleh pergaulan dan interaksi mereka sesama kaum (Nur A'tiroh Masyaa'il Tan & Fariza 2009). Sehubungan itu, di Malaysia telah wujud pelbagai badan pertubuhan Islam yang terdiri daripada Kerajaan dan bukan Kerajaan yang berperanan untuk mengekalkan integrasi kaum di samping memelihara kebijakan dan keperluan *Mualaf*. Badan-badan pertubuhan yang wujud ini telah mengambil tanggungjawab fardu kifayah tersebut agar masyarakat *Mualaf* di negara ini mendapat

bimbingan, perlindungan dan kebijakan yang sewajarnya. Menurut Faudzinaim (2005) kebanyakan Mualaf di Malaysia bernaung di bawah pelbagai badan pertubuhan bukan Kerajaan seperti PERKIM, PERMIM dan sebagainya. Namun begitu, terdapat juga sebilangan Mualaf yang kekal bernaung di bawah badan pertubuhan Kerajaan seperti JAKIM, MAIS serta beberapa Jabatan Agama Islam Negeri.

Pendidikan akidah kepada golongan Mualaf adalah teras kepada pelaksanaan syariat secara menyeluruh (al-Baqarah 2:217) dan ianya amat memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bukan sekadar untuk memindahkan ilmu pengetahuan bahkan berupaya meningkatkan dan memantapkan keimanan (Mohd. Arip 1998). Oleh itu, pengajaran akidah amat memerlukan kaedah yang spesifik berasaskan pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) dengan menggunakan kefahaman dalil secara *naqli* (wahyu) dan *aqli* (akal) serta dalil-dalil alam syahadah yang terdapat di dalam al-Qur'an (Mohd. Arip 1998) agar murid tidak termasuk di dalam golongan *muqallid* (pengikut) yang dipertikaikan kesahihan iman mereka oleh sebahagian ulama' (Sayyid Qutb 1992). Malah, menurut Nasikh Ulwan (1984) proses pendidikan akidah dan keimanan perlu bermula sebaik selepas kelahiran dengan memperdengarkan kalimah tauhid melalui azan dan iqamah dan dipertingkatkan pada usia mumayyiz dan dewasa dengan pendekatan penyelidikan, tadabbur dan berfikir tentang penciptaan alam semesta secara beransur-ansur sehingga keimanan menjadi teguh berasaskan bukti kukuh seperti saranan al-Qur'an (an-Nahl 16:10-17, al-Baqarah 2:164, al-Tariq 86:5-10, Abasa 80:24-32, Fathir 35:27-28, Qaf 50:6-8).

### **Gejala Murtad Dalam Kalangan Muallaf**

Golongan *Mualaf* di bawah seliaan Majlis Agama Islam Selangor telah dibimbing dan dididik memahami akidah berdasarkan Modul Latihan Saudara Kita yang telah disediakan oleh pihak MAIS sendiri (Modul Latihan Saudara Kita t.t). Namun begitu, dalam keadaan masyarakat bukan Islam di Malaysia memilih Islam sebagai agama yang mengatur kehidupan, namun masalah murtad Mualaf masih juga berlaku di negara ini. Satu kajian yang telah dilakukan di Selangor dengan berdasarkan perspektif kes-kes permohonan murtad, kajian tersebut menemui beberapa perkara iaitu (Mohamed Azam et. al 2010: 595):

- i. Majoriti pemohon terdiri daripada Mualaf wanita yang memeluk Islam atas tujuan untuk berkahwin.
- ii. Majoriti berbangsa India.
- iii. 40% agama asal pemohon adalah Islam.
- iv. Alasan utama yang diberi adalah berpunca dari pemohon telah dibaptiskan, diasuh oleh keluarga Hindu, tidak mengamalkan ajaran Islam, tidak berminat dengan agama Islam, bercerai, putus tunang dan berkahwin dengan orang beragama Hindu.

Berdasarkan profil kes-kes permohonan murtad yang dinyatakan di atas, jelas bahawa gejala murtad yang berlaku di negara ini adalah sangat berleluasa. Masalah murtad ini amatlah membimbangkan kerana jumlah kes murtad semakin meningkat hari demi hari dan langkah pencegahan harus dilaksanakan dengan segera. Dalam pada itu, Mohd Azam (2010) turut menjelaskan bahawa kebanyakan golongan Mualaf di Negeri Selangor kembali menganut agama asal mereka kerana kegagalan mereka mendalami agama Islam. Hal ini menunjukkan bahawa tidak mendapat bimbingan agama merupakan faktor utama seseorang Mualaf meninggalkan agama Islam. Beliau menyatakan bahawa sememangnya tahap bimbingan dan pengetahuan tentang agama Islam mempunyai hubung kait yang signifikan untuk mencetuskan kecenderungan gejala murtad. Kegagalan memahami agama Islam menyebabkan mereka salah faham berkaitan isu-isu kebebasan, penindasan wanita, jumud dan sebagainya sehingga mendorong mereka membuat keputusan untuk kembali kepada agama asal.

Selain itu, analisis kes-kes murtad 1991 telah menerangkan bahawa pada tahun tersebut terdapat 6 kes murtad yang melibatkan tiga bangsa iaitu empat bangsa Cina, satu kes Melayu dan India. Mereka telah

murtad dan kembali menganut agama Hindu dan Buddha. Analisis kes-kes murtad 1991 ini juga menjelaskan bahawa antara punca murtad ialah kelemahan akidah dan kurangnya pengamalan cara hidup Islam dalam kehidupan harian. Hal ini terjadi kerana selepas mereka menganut agama Islam, proses pendidikan Islam tidak terus diamalkan dalam kehidupan dan terdapat juga dalam kalangan mereka yang tidak pernah dididik dengan cara hidup Islam. Ini bermakna mereka hanya Islam pada nama, namun mereka mengamalkan cara hidup agama Hindu (Mohd Farhan 2011). Kenyataan ini menjelaskan bahawa kebanyakan kes murtad yang berlaku di Malaysia adalah berpunca daripada kurangnya mendapat bimbingan agama dan tidak memahami akidah Islam dengan baik. Akhirnya daripada punca tersebut menyebabkan sebahagian masyarakat Mualaf ini mengambil jalan dengan kembali kepada agama asal mereka. Maka jelaslah bahawa pendidikan akidah merupakan aspek terpenting yang harus diberi perhatian oleh semua pihak agar masyarakat Mualaf di negara ini dapat benar-benar menghayati kepentingan dan keistimewaan akidah Islam.

## Kepentingan Asas Tauhid dalam Kalangan Mualaf

Akidah merupakan teras kepada pelaksanaan syariat secara menyeluruh (al-Baqarah 2:217) dan ianya amat memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bukan sekadar untuk memindahkan ilmu pengetahuan bahkan berupaya meningkatkan dan memantapkan keimanan (Mohd. Arip 1998). Oleh itu, pengajaran akidah amat memerlukan kaedah yang spesifik dengan menggunakan kefahaman dalil secara *naqli* (wahyu) dan *aqli* (akal) serta dalil-dalil alam syahadah yang terdapat di dalam al-Quran (Mohd. Arip 1998) agar murid tidak termasuk di dalam golongan *muqallid* (pengikut) yang dipertikaikan kesahihan iman mereka oleh sebahagian ulama' (Sayyid Qutb 1992). Malah, menurut Nasih Ulwan (1984) proses pendidikan akidah dan keimanan perlu bermula sebaik selepas kelahiran dengan memperdengarkan kalimah tauhid melalui azan dan iqamah dan dipertingkatkan pada usia mumayyiz dan dewasa dengan pendekatan penyelidikan, tadabbur dan berfikir tentang penciptaan alam semesta secara beransur-ansur sehingga keimanan menjadi teguh berasaskan bukti kukuh seperti saranan al-Quran (an-Nahl 16:10-17, al-Baqarah 2:164, al-Tariq 86:5-10, Abasa 80:24-32, Fathir 35:27-28, Qaf 50:6-8).

Pendidikan dan kefahaman akidah haruslah ditanam di dalam diri seseorang Muslim sejak kecil lagi. Kefahaman akidah haruslah diterapkan di dalam diri seseorang Mualaf kerana seseorang yang baru memeluk Islam umpama bayi yang baru dilahirkan. Tanpa bimbingan dan didikan yang sempurna seseorang Mualaf itu hidup terumbang-ambing, berada di dalam kejahilan serta berkecenderungan untuk kembali kepada agama asal mereka. Oleh itu setiap Mualaf perlu mengetahui dengan mendalam mengenai keistimewaan dan kepentingan akidah Islam terhadap masyarakat Muslim.

Akidah tidak terbentuk dengan mudah kerana ia adalah sesuatu yang mantap di lubuk hati yang memerlukan kefahaman pemikiran yang dikukuhkan dengan dalil-dalil *naqliyyah* dan *aqliyyah* yang menghilangkan keraguan. Dalil dan hujah tersebut perlu difahami dan diterima oleh akal secara logik dengan penuh kerelaan dan ketenangan. Oleh itu, pengajaran akidah memerlukan penggunaan bahasa yang mudah, contoh dan bukti yang mudah difahami, idea yang bernes, dan penggunaan ayat al-Quran yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan untuk mensabitkan hujah aqal dan memberi kesan kepada akal secara maksimum (al-Zendani 2008). Pendidikan akidah juga perlu didasari dengan kefahaman jelas yang dapat mengesani emosi, perasaan dan jiwa (*wujdan*) tanpa sebarang syak dan keraguan (al-Asmar 2001). Sebagai contoh, Rasulullah S.A.W. menghapuskan kesan-kesan kepercayaan, nilai, budaya dan kefahaman warisan Arab jahiliyyah supaya tidak bercampur aduk dengan paradigma akidah, nilai dan budaya kehidupan seseorang mukmin (al-Asmar 2001).

Secara prinsipnya, al-Quran juga telah menjelaskan bahawa manusia itu diciptakan dengan berbagai tahap kemampuan aqal, roh dan jasad (ali-*'Imran* 3:113, al-*'An'am* 6:165, al-Rum 30:22). Oleh itu, guru perlu memahami kepelbagaiannya ini untuk menentukan keberkesanannya proses pengajaran dan

pembelajaran (Abdul Wahhab 2003, Umar 2000) selaras dengan prinsip bertahap (*al-tadrij*) dalam pendidikan yang dicatatkan di dalam al-Quran berkaitan proses pengharaman arak (al-Nahl 16:67, al-Baqarah 2:219, an-Nisa' 4:43) dan pengharaman riba. Rasulullah S.A.W. juga berpesan kepada Muaz bin Jabal R.A. sebelum beliau diutuskan ke Yaman agar menyampaikan pengajaran Islam secara beransur-ansur dengan mengambil kira latar belakang murid yang baru memeluk Islam. Kisah ini membuktikan bahawa pengajaran perlu dilaksanakan secara bijaksana dengan mengambil kira tahap kemampuan pemikiran dan kecenderungan murid supaya dapat menyemai keimanan, adat dan nilai yang benar (*sahih*) serta menghapuskan adat dan amalan yang sesat secara berkesan (al-Wahhab 2003).

Dalam kontek akidah secara khusus, al-Quran merakamkan prinsip pengajaran akidah melalui pendekatan interaksi dengan alam semesta (*al-kaun*) (al-Zariyat 51:21) dan mengenal diri (Fussilat 41:53) secara berulang di dalam beberapa ayat-ayat yang lain sebagai asas menyemai benih-benih keimanan dan akidah yang sahih (Mustafa 1998). Al-Quran dan al-Sunnah turut menekankan pendekatan pengajaran dan pendidikan secara bertahap (*tadrij*) dalam tempoh yang berbeza-beza dan diselangi dengan tempoh tenang (*sakta*) untuk membantu penguasaan dan pengukuhan kefahaman dan ingatan tentang perkara yang dipelajari. Sebagai contoh, penurunan al-Quran secara beransur-ansur (al-Anbiya' 17:106) dalam tempoh hampir dua puluh tiga tahun membolehkan Rasulullah S.A.W. dan para sahabat menguasai kefahaman al-Quran dan menghayati ajarannya dengan cemerlang (al-Furqan 25:32) (Abdel Haleem 2002). Dalam pelaksanaan pengajaran, Rasulullah S.A.W. juga menyampaikan pengajaran dengan perlahan-lahan, menggunakan masa yang singkat, tidak menyampaikan banyak perkara pada satu masa dan memilih waktu yang sesuai untuk mengajar perkara tertentu seperti proses penurunan ayat pengharaman arak dan riba (Abdel Haleem 2002).

Al-Quran dan al-Sunnah turut menggunakan prinsip pengulangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mengukuhkan kefahaman dan ingatan terhadap konsep-konsep utama dalam pendidikan akidah seperti keimanan kepada Allah S.W.T., keimanan kepada perkara ghaib, hari kiamat, balasan dosa dan pahala (al-Najati 1993a). Penjelasan tentang konsep-konsep utama ini dinyatakan pada beberapa tempat dalam al-Quran untuk menunjukkan kepentingannya bagi meneguhkan keimanan. Pendekatan ulang sebut sebanyak tiga kali sambil berhenti seketika juga sering digunakan oleh Rasulullah S.A.W. untuk menjelaskan konsep-konsep teras di dalam akidah kepada para sahabat (al-Najati 1993a; al-Sa'dan 1999; Abdel Haleem 2002). Rasulullah S.A.W. juga menggunakan pelbagai pendekatan untuk menarik minat para sahabat dengan bertanyakan soalan, membuat hubungan mata (*eye contact*), mengadap wajah mereka, menyentuh mereka, menggunakan bahan bantu, membuat lakaran dan ilustrasi, menyusun idea dengan menggunakan bilangan struktur logik, membuat bahasa badan (*gesture*), kawalan bilik darjah yang berkesan dan penggunaan benda-benda *maujūd* dalam pengajaran (al-Baqarah 2:258-260) (Abdel Haleem 2002).

Dalam konteks pengajaran akidah secara khusus, al-Quran menggunakan pendekatan secara berperingkat-peringkat sehingga proses penerapan kefahaman, keyakinan dan keimanan berlaku secara lancar dan tersemat teguh di dalam diri seseorang. Sebagai contoh, Allah S.W.T. memperlihatkan sunnah penciptaan langit dan bumi secara berperingkat-peringkat kepada Nabi Ibrahim A.S. untuk memperkuatkan keimanan dan keyakinannya berhujah menghadapi orang-orang musyrik (al-An'am 6:75-79), Allah S.W.T. memperlihatkan proses menghidupkan semula makhluk yang telah mati kepada Nabi Ibrahim A.S. secara berperingkat untuk membuktikan kekuasaan Allah S.W.T., memantapkan keimanan dan ketenangan (*itmi'nān*) di dalam hatinya (al-Baqarah 2:260), pendekatan perdebatan secara logik yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim A.S. untuk meyakinkan kaumnya dan Raja Namrud tentang akidah tauhid (kekuasaan mutlak Allah S.W.T.) secara bertahap berlandaskan kekuatan pengetahuan kandungan dan pedagogi yang sesuai (al-Anbia' 21:52-65) (al-Makanisi 2001).

Al-Quran juga menggalakkan setiap mukmin untuk melakukan penelitian, mencari penyelesaian terhadap permasalahan kehidupan dan mengukuhkan keimanan dengan melakukan pengembalaan, membuat kajian dan meneliti fenomena yang ada dalam diri manusia, alam sekitar dan kesan sejarah yang

dinggalkan oleh umat terdahulu (al-Najati 1993b). Rasulullah S.A.W. sendiri telah dibawa mengembara dalam satu perjalanan yang jauh dan mengagumkan dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj sehingga memulihkan motivasi dan keyakinan untuk menjalankan amanah dan tugas menyampaikan dakwah dan risalah (Abdul Halim 1985). Pendekatan reflektif secara tafakkur dan tadabbur terhadap bukti-bukti kekuasaan Allah S.W.T. adalah amat berkesan untuk mewujudkan kesedaran dan menanam nilai-nilai keimanan dan taqwa pada diri murid (al-Shafi'i 1989; B. Aisha Lemu 1991; Zawawi 1996; Mohd Arif 1998; Malik 2000).

Al-Quran dan al-sunnah juga menggunakan pendekatan yang berasaskan bukti sahih, logik dan boleh diterima aqal dalam pendidikan akidah seperti melalui; dalil penciptaan (*al-Khalq*) seperti penciptaan pokok, tumbuhan, manusia, haiwan dan alam semesta untuk membuktikan kewujudan pencipta yang Maha Agung, dalil Kebijaksanaan dan Bantuan melalui sunnah peredaran siang dan malam, matahari dan bintang, pasang surut air laut, musim hujan dan sebagainya menunjukkan rahmat dan pertolongan Allah S.W.T. kepada manusia dan dalil kekuasaan Allah S.W.T. (*al-Qudrah*) seperti berlaku bencana alam di luar jangkaan manusia menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T. dan sebagainya (Fussilat 41:53, al-Zariyat 51:21) (al-Nahlawi 1980).

Ringkasnya, setiap peringkat pendidikan akidah memerlukan penggunaan pengetahuan isi kandungan dan rujukan yang sesuai mengikut tahap perkembangan, kematangan, pengetahuan dan usia murid untuk memastikan keberkesanan pendidikan akidah (Nasih Ulwan 1984). Oleh kerana peri pentingnya akidah dalam kehidupan seseorang Muslim, pendidikan dan kefahaman akidah haruslah ditanam di dalam diri seseorang Muslim sejak kecil lagi. Oleh yang demikian, kefahaman akidah juga harus diterapkan di dalam diri seseorang *Mualaf* kerana seseorang yang baru memeluk Islam umpama bayi yang baru dilahirkan. Tanpa bimbingan dan didikan yang sempurna menyebabkan seseorang *Mualaf* itu akan hidup terumbang-ambing, berada dalam kejahilan serta cenderung untuk kembali kepada agama asal. Kesemua peringkat ini memerlukan penggunaan pengetahuan isi kandungan dan rujukan yang sesuai mengikut tahap perkembangan, kematangan, pengetahuan dan usia murid untuk memastikan keberkesanan pendidikan akidah (Nasih Ulwan 1984).

## Metodologi Kajian

Kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan bagi menjamin kesahan dapatan. Ini disebut sebagai gabungan pendekatan kuantitatif atau proses *triangulation of method*. Menurut Neumann (2000) melalui gabungan ini kelemahan kuantitatif ditampung dengan kualitatif dan begitu juga sebaliknya, Kedua-dua kaedah ini sememangnya memerlukan jadual kerja yang sistematik agar kajian tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik kerana ia bersesuaian dengan teknik tinjauan (Robson, 1988). Penyelidik juga memilih reka bentuk secara kajian deskriptif untuk mengenal pasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan bentuk soal selidik yang digunakan ialah soal selidik pemilihan jawapan. Kajian ini juga menggunakan teknik perolehan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Skala Likert adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen, Manion dan Marison, 2000).

Kajian ini melibatkan pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang sedang mengikuti pengajian di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. Seramai 86 orang responden pelajar terdiri dari pelbagai kaum dan 5 orang pensyarah bidang pengajian Islam IDIP. Dalam instrumen kajian ini, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu pilihan jawapan dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan terhadap nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) dan Tidak

Pernah (1) hingga Sangat Kerap (5). Kajian ini hanya melibatkan soal selidik sahaja yang terdiri daripada beberapa soalan yang telah ditetapkan serta menyediakan ruang untuk jawapan atau menawarkan beberapa alternatif tetap, dan responden yang membuat pilihan (Winston Jackson, 2003). Oleh itu, kebolehpercayaan item dalam soal selidik ini telah dianalisis untuk mendapatkan nilai Alpha Cronbach. Kajian turut menggunakan protokol temu bual yang ditetapkan dan disokong oleh data pemerhatian tingkah laku pengajaran dan analisis dokumen telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo-7*.

## Dapatkan Kajian

Kajian terhadap tanggapan dan persepsi pensyarah secara khusus terhadap ciri-ciri pengajaran subjek akidah adalah dengan menggunakan protokol temu bual dan disokong oleh data pemerhatian tingkah laku pengajaran dan analisis dokumen telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo-7*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian dalam kalangan pensyarah memiliki perspektif dan tanggapan yang khusus terhadap pengajaran akidah yang merangkumi aspek prinsip-prinsip pengajaran, masalah pengajaran dan pendekatan yang digunakan untuk mengukuhkan pengajaran subjek akidah. Berdasarkan analisis tema-tema data tersebut, setiap peserta kajian memiliki kefahaman dan tanggapan yang khusus terhadap ciri-ciri pengajaran akidah yang mempengaruhi amalan pengajaran di dalam bilik darjah dan dikategorikan seperti yang dijelaskan di dalam jadual 1.1 berikut:

**Jadual 1:** Taburan Tema Pola Amalan Kaedah Pengajaran Pensyarah IDIP

Item	SP1	SP2	SP3	SP4	SP5
Menggunakan induksi yang menarik	X	X	X	X	X
Mengatur strategi pengajaran	X	X	X	X	X
Menggunakan kaedah PdP khusus dalam pengajaran akidah		X	X		X
Sering menggunakan kaedah kuliah		X		X	
Menggunakan kaedah perbincangan	X	X	X	X	X
Mengimbas pengajaran lalu sebelum memulakan pengajaran baru	X	X	X	X	X
Menjadikan isu-isu semasa berkaitan akidah sebagai topik perbincangan bersama pelajar	X	X	X	X	X

Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran adalah rangkaian komponen dalam setiap sesi pengajaran yang mempunyai pertalian yang amat rapat antara satu sama lain. Pendekatan pengajaran merujuk kepada andaian umum, pendapat yang dibina di atas falsafah untuk menghuraikan sifat subjek yang hendak diajar (Ghazali 2001). Penerokaan terhadap pendekatan pengajaran subjek akidah dilakukan dengan menetapkan data pemerhatian tingkah laku pengajaran sebagai data utama disokong oleh data temu bual dan analisis dokumen. Berdasarkan kategori dan tema data kajian lapangan yang telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo-7*, jadual berikut adalah menunjukkan pola amalan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh kesemua peserta kajian dalam kalangan pensyarah semasa pemerhatian proses pengajaran di dalam bilik darjah.

**Jadual 2:** Taburan Tema Pola Amalan Pengajaran Pensyarah IDIP

Item	Min	S.P	Int
Membaca doa memulakan pengajaran	4.62	0.840	T
Memulakan pengajaran dengan membaca ayat al-Quran	4.55	0.834	T
Mengaitkan pengajaran dengan pengetahuan sedia ada pelajar	4.46	0.916	T
Merancang isi pengajaran	4.62	0.797	T
Menguasai isi pengajaran	4.55	0.729	T
Penyampaian jelas dan terang	4.47	0.778	T
Penyampaian mudah difahami	4.39	0.786	T
Menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai	4.38	0.799	T
Menguji kefahaman pelajar melalui soal jawab	4.51	0.698	T
Menggunakan bantu mengajar dalam pengajaran	4.39	0.923	T
Menggunakan kaedah kuliah	4.46	0.730	T
Menggunakan kaedah perbincangan	4.45	0.791	T
Mengajar mengikut waktu yang ditentukan	4.31	0.910	T
Merumuskan pengajaran	4.41	0.818	T
Bertanya soalan kepada pelajar	4.59	0.675	T
Memberi peluang kepada pelajar bertanya soalan	4.68	0.558	T
Meminta pelajar menerangkan semula istilah dalam akidah yang telah diajar	4.53	0.730	T
Bersungguh-sungguh menyampaikan pengajaran	4.51	0.698	T
Mengajar mengikut tahap kemampuan pelajar	4.52	0.714	T
Mengaitkan isi pelajaran dengan isu-isu semasa	4.47	0.747	T
Tidak terikat dengan buku teks	4.23	0.953	T
Dapat mengawal kelas dengan baik	4.39	0.801	T
Prihatin terhadap pelajar	4.48	0.778	T
Memberi latihan pengukuhan kepada pelajar	4.47	0.714	T
Memeriksa tugas pelajar	4.45	0.746	T
Mengakhiri pengajaran dengan surah al-'Asr dan tasbih kafarah	4.52	0.698	T
Menggunakan papan tulis semasa pengajaran	4.46	0.730	T
Menggunakan LCD semasa pengajaran	3.65	1.493	ST
Mengajar mengikut kesesuaian tahap pelajar	4.53	0.777	T
<b>Jumlah</b>	4.45		T

Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran merupakan rangkaian kategori dalam sesi pengajaran yang mempunyai pertalian yang amat rapat antara satu sama lain. Pendekatan pengajaran merujuk kepada andaian umum, pendapat yang dibina di atas falsafah untuk menghuraikan sifat subjek yang hendak diajar (Ghazali, 2001). Dapatan kajian yang diperoleh dari temu bual dan pemerhatian pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah IDIP dapat dilihat dalam jadual 4.13 seperti berikut:

**Jadual 3:** Tanggapan Pensyarah Terhadap Pengetahuan Isi Kandungan

Item	SP1	SP2	SP3	SP4	SP5
Akidah perlu disampaikan dengan cara yang mudah difahami	X	X	X	X	X
Selaras dengan kaedah pengajaran melalui perspektif al-Quran	X	X	X	X	X
Akidah perlu diajar secara berperingkat	X	X	X	X	X
Akidah perlu dipelajari secara <i>talaqqi</i>	X	X		X	X
Perlu diajar secara <i>istinbatiyyah</i>	X	X	X	X	X
Perlu diajar daripada mudah kepada sukar	X	X			X
Perlu diajar secara kontekstual	X	X			X
Perlu kepada penggabungan ilmu			X		X
<i>Mauqif ta'limi</i> yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar	X	X		X	
Mementingkan aspek <i>targhib</i> dan <i>tarhib</i>	X	X	X	X	X
Pendekatan pengajaran yang mudah difahami	X	X	X	X	X

X= Pendekatan Pengajaran yang digunakan

Ringkasnya, dapatan menunjukkan kesemua responden kajian memiliki tanggapan dan keyakinan tersendiri terhadap pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan dalam melaksanakan pengajaran pembelajaran terhadap pelajar *mualaf*. Oleh itu, kaedah pengajaran yang baik dapat membantu pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, mengubah sikap dan tingkah laku, menanamkan minat dan nilai-nilai positif (Zakaria & Ab. Halim, 2010). Al-Ibrasyi (1957) merumuskan bahawa kaedah pengajaran adalah segala usaha yang sistematik untuk mencapai matlamat pendidikan melalui pelbagai aktiviti sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Seterusnya teknik pengajaran pula merujuk kepada suatu cara perlakuan terperinci ataupun unit-unit kecil yang terkandung dalam sesuatu kaedah untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (Ahmad Yunus 2011). Al-Syaibani (1975) berpendapat bahawa kaedah dan teknik pengajaran menentukan keupayaan seseorang guru untuk memindahkan idea, maklumat, pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan bimbingan kepada murid. Seseorang guru yang memiliki pengetahuan kandungan yang mantap tetapi gagal dalam proses pengajaran adalah disebabkan tidak menguasai kaedah dan teknik pengajaran yang baik untuk menyampaikan maklumat ke dalam minda murid serta memandu dan membimbing mereka memudahkan proses pembelajaran.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menggambarkan PPK pensyarah IDIP dalam pelaksanaan pengajaran akidah dalam kalangan Mualaf. Kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi yang positif kepada semua pihak khususnya individu Mualaf, masyarakat, jabatan-jabatan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pusat Latihan Dakwah dan Tarbiah yang terlibat dalam melindungi dan membimbing masyarakat Mualaf di Malaysia dalam pembinaan modul pemikiran dan akidah tauhid. Dalam usaha untuk membimbing dan melahirkan golongan Mualaf yang memahami ajaran Islam, semua pertubuhan yang menguruskan Mualaf di Malaysia seharusnya memberi keutamaan dan penekanan khusus terhadap kefahaman akidah. Setiap pertubuhan ini perlu memiliki modul khusus dalam pendidikan akidah agar semua Mualaf di bawah perlindungan mereka mendapat bimbingan dan didikan akidah yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, penulis ingin memberi beberapa cadangan ke arah melahirkan masyarakat Mualaf yang benar-benar menghayati ajaran akidah Islam. Antara cadangan tersebut ialah:

- i. Berusaha memperkasa pendidikan akidah dengan memperbanyakkan bahan rujukan dan risalah dalam bidang akidah Islam di dalam pelbagai bahasa seperti Cina, Tamil, Inggeris dan sebagainya.
- ii. Membimbing Mualaf memahami akidah dengan metodologi pengajaran yang sesuai dengan berdasarkan latar belakang dan kemampuan setiap individu Mualaf.
- iii. Pendakwah dan tenaga pengajar hendaklah berusaha memahami cabaran yang dihadapi oleh Mualaf dalam mencari kebenaran ajaran Islam.
- iv. Masyarakat awam dan Mualaf hendaklah terus membantu pihak-pihak yang mengurus Mualaf dalam memberi bimbingan, khidmat nasihat, kebaikan dan kaunseling kepada Mualaf.
- v. Mendalami ilmu metodologi dakwah dan psikologi untuk menarik minat masyarakat Mualaf untuk menghayati keistimewaan akidah Islam seluruhnya.

Secara keseluruhan, akidah merupakan suatu yang mesti difahami dan dihayati oleh setiap Muslim khususnya kepada mereka yang baru memeluk Islam. Kefahaman dan penghayatan akidah yang benar dan kukuh haruslah ditanam di dalam jiwa setiap Muslim dan *Mualaf* kerana akidah merupakan asas dalam pembinaan sahsiah seseorang Muslim. Sejarah Islam juga telah membuktikan bahawa ayat yang terawal yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW di Mekah adalah menjurus kepada pembinaan akidah. Hasil daripada pendidikan, kefahaman dan penghayatan akidah yang kuat, maka nabi Muhammad SAW telah berjaya melahirkan sahabat-sahabat yang mempunyai daya tahan yang kental dalam mempertahankan dan mengembangkan Islam ke seluruh dunia.

Justeru, pendidikan akidah haruslah disampaikan dan diurus sebaik mungkin dalam membimbing *Mualaf* memiliki akidah yang teguh sebagai sumber utama agama yang dianuti. Kemahiran PPK yang ditunjukkan oleh kesemua pensyarah IDIP mencerminkan pengalaman ‘*wisdom of practice*’ dan ‘*wise practice*’ dalam pengajaran akidah kepada golongan Mualaf. Sebaiknya pensyarah juga perlu memahami proses pemikiran dan tingkahlaku guru di dalam bilik darjah berdasarkan lingkaran model pelaksanaan pedagogi dan tindakan pengajaran (Shulman, 1987) yang merangkumi beberapa fasa pengajaran tahap kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi untuk mendapatkan kefahaman baru berkaitan pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi subjek atau pengetahuan berkaitan pelajar yang menyumbang kepada pembentukan PPK secara sistematik di dalam pengajaran akidah.

## Rujukan

- Abdullah Yusof & Siti Nor Aisyah Ngadiran (2010). Peranan Badan Kerajaan dan NGO dalam Membantu Menangani Cabaran Saudara Kita. Dlm. Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah (pnyt) *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu dan Cabaran Semasa*, hlm. 523. Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2011). Penghayatan Islam Saudara Baru Orang Asli Kampung Sungai Berua Terengganu. Dlm. Razaleigh Muahamat @ Kawangit (pnyt.) *Isu-Isu Pengurusan Saudara Muslim*, hlm. 14-67. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang Pendidikan Islam*. Journal of Islamic and Arabic Education. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali Ahmed Madkur. 1999. *Manhajiyah Tadris al- Mawad al-Syareiyyah*. Kaherah: Dar al-Fiqr al-Arabi.
- al-Nawawi. 1995. *Sahih Muslim, li-Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hujjaj al-Qushairi al-Naisaburi bi-Sharh al-Nawawi Yahya ibn Sharaf al-Nawawi al-Dimashqi al-Shafi'i*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradhawi (1983). *Hakikat al-Tawhid*. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.
- Al-Qaradhawi (2010). *Islam an Introduction*. Terj. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Al-Qurtubi (2004). *Al-Jami' li al-Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi (1995). *Sahih Muslim, li-Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hujjaj al-Qushairi al-Naisaburi bi-Sharh al-Nawawi Yahya ibn Sharaf al-Nawawi al-Dimashqi al-Shafi'i*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Faudzinain Badaruddin (2005). Saudara Kita: Harapan, Realiti dan Cabaran. Dlm. Razaleigh Muahamat @ Kawangit et al (pnyt.) *Masa Depan Saudara baru, Harapan Realiti dan Cabaran*, hlm. 1. Bangi: Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Kathir (1988). *Terjemah Singkat Tafsir Ibnu Kathir*. Terj. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Ibn Manzur (1968). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadar.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2011). *Dasar Akidah Islam*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Kamus Dewan (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohamed Azam Mohamed Aidil et. al. (2010). *Murtad di kalangan Muallaf di Selangor: Penekanan kepada latihan dan bimbingan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu dan cabaran semasa, hlm 595.
- Mohd Farhan Abdullah (2011). *Kristianisasi dan gejala murtad di Malaysia, di mana peranan kita*. Selangor: Selasih Millennium Bdn bhd.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin (2012). *Akidah dan pembangunan modal insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah (2005). Ku temui sinarMu. Dlm. Razaleigh Muahamat @ Kawangit (pnyt.) *Isu-Isu Pengurusan Saudara Muslim*, hlm. 14-67. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah & Fariza Md Sham (2009). Keperluan memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari*: 85.
- Rukiah Mohamad (2008). *Asas –asas pembinaan insan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti(UPENA) UiTM.
- Sayed Sabiq. 2011. *Al-aqa'id al-Islamiyyah*. Terj. Terengganu: Rangkaian Berkat Sdn Bhd & Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd.